



SIARAN AKHBAR

S.A. 2022/12/21_96 (HQ)

TNB MENCEBURI PEMBANGUNAN LADANG SOLAR DI UK

Tenaga Nasional Berhad (TNB) mengumumkan bahawa melalui anak syarikat milik penuhnya, **Vantage RE Ltd. (Vantage RE)**, ia telah menandatangani kontrak kejuruteraan, perolehan dan pembinaan (EPC) dengan BELECTRIC GmbH (BELECTRIC) untuk pembinaan dan pentaulahan ladang solar 102MW di United Kingdom (UK), pada 14 Disember 2022. Projek itu juga termasuk pilihan untuk membangunkan Sistem Penyimpanan Tenaga Bateri (BESS) 65MW setempat dan berupaya meningkatkan aliran hasil TNB melalui penyertaan dalam perkhidmatan sampingan dan pasaran kapasiti. Pelaburan ini adalah satu pencapaian penting bagi TNB sempena pengluasan penglibatannya dalam pembangunan Tenaga Boleh Baharu (TBB) di United Kingdom.

Ladang solar tersebut dijangka mencapai Tarikh Operasi Komersial (COD) menjelang S1 2024. Apabila beroperasi kelak, ladang yang dibangunkan di dua lokasi itu dijangka memberikan hasil jangka panjang yang stabil di bawah skim subsidi Contract-for-Difference (CfD) selama 15 tahun, yang telah diperolehi pada Julai 2022. Pasukan Vantage RE akan memantau pelaksanaan projek ini yang bakal menjana tenaga bersih dalam memenuhi keperluan tahunan 37,000 kediaman, serta menghindari pelepasan lebih 46,750 tan karbon dioksida (CO₂) berbanding penjanaan bahan api fosil. Kedua-dua tapak juga menawarkan peluang inisiatif terhadap alam sekitar yang menggalakkan faedah kepelbagaiannya biodiversiti, sekali gus menyokong agenda biodiversiti TNB yang lebih luas.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Dato' Indera Ir. Baharin Din berkata: "Kami berbesar hati dapat bekerjasama dengan BELECTRIC sambil TNB mengembangkan portfolio penjanaan tenaga solarnya di UK, meneruskan kemaraan dalam usaha Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) di peringkat global demi mencapai pelepasan sifar karbon menjelang 2050, seperti yang digariskan dalam Hala Tuju Kelestarian TNB. Pengalaman dan kepakaran kami dalam membangunkan ladang solar di Malaysia melalui projek solar berskala besar (LSS) penting dalam memastikan projek ini berjaya, seterusnya mengukuhkan kehadiran kami dalam lapangan TBB UK." Beliau juga berkata: "Ini adalah langkah penting ke arah perniagaan TNB yang kalis masa depan dalam peralihananya kepada ekonomi hijau dan memastikan ia terus menjaga kepentingan nilai pemegang sahamnya. Penglibatan dalam kegiatan pembangunan *greenfield* bagi penjanaan tenaga hijau ini adalah sejajar dengan aspirasi TNB untuk menjadi penyedia tenaga mampan global."

Beliau menambah: "Pelaburan ini telah meningkatkan kapasiti TBB TNB di UK kepada 632MW, pertumbuhan ketara 61% dalam kapasiti MW sejak pelancaran Vantage RE pada Julai 2021. Untuk pencapaian tahunan hingga kini bagi Suku Ketiga Tahun 2022, sumbangan EBITDA (Pendapatan Sebelum Faedah, Cukai, Susut Nilai dan Pelunasan) daripada portfolio TBB UK

kami telah meningkat sebanyak 31.7% tahun-ke-tahun kepada GBP55.6 juta, menandakan prestasi kewangan yang sihat secara berterusan melalui pendekatan pengurusan aset yang aktif oleh TNB.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 21 Disember 2022, jam 4:00 petang

*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Hanim Idris 019-2617617 /
Grace Tan 016-6626229 / Faiq Haikal 013-3889606
atau emel kami: media@tnb.com.my*

TENAGA NASIONAL BERHAD

Tenaga Nasional Berhad (www.tnb.com.my) ialah syarikat utiliti Malaysia terkemuka di Asia dengan penglibatan di United Kingdom, Kuwait, Turkiye, Arab Saudi dan India. Dalam portfolio tenaga boleh baharu (TBB) sehingga September 2022, TNB mempunyai 2,810MW penjanaan di Malaysia (termasuk 2,536.1MW hidro besar) dan 993MW di seluruh UK, Turkiye dan India yang meliputi aset penjanaan tenaga solar, angin dan hidro.

BELECTRIC GmbH

BELECTRIC ialah salah satu penyedia perkhidmatan EPC terkemuka di Eropah dalam pembangunan, pembinaan dan pengendalian loji tenaga solar. Pakar tenaga suria yang memiliki pengalaman lebih 20 tahun dalam pembinaan loji janakuasa dan telah membina lebih 4 gigawatt kapasiti di seluruh dunia. BELECTRIC juga merupakan ahli Elevion Group.

VANTAGE RE LTD

Vantage RE Ltd memiliki, mengendalikan dan mengurus portfolio aset TBB di UK. Beribu pejabat di London, portfolio Vantage RE terdiri daripada aset solar, angin darat dan luar pesisir yang membentuk sejumlah kapasiti penjanaan 530MW.



Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Dato' Indera Ir. Baharin Din